

Yayasan Kepimpinan pusat sumber rujukan

UM 18 NOV 2003

PUTRAJAYA 17 Nov. — Yayasan Kepimpinan Perdana yang menempatkan pejabat bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan menjadi institut pemikiran dan sumber rujukan utama mengenai tokoh-tokoh serta para pemimpin negara.

Yayasan itu menggunakan sebuah bangunan di pinggir Tasik Putrajaya, di Presint 7, di sini.

Ia yang ditubuhkan atas inisiatif pihak swasta akan menjadi pusat sehenti penyelidikan dan rujukan mengenai negarawan Malaysia terutama bekas-bekas Perdana Menteri.

Yayasan itu dipengerusikan oleh Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin dengan para anggota Lembaga Amanahnya terdiri daripada wakil-wakil syarikat swasta yang terlibat dalam menjayakan penubuhan yayasan tersebut.

Difahamkan, selain kegunaan para penyelidik luar, yayasan itu juga akan membuat penyelidikan dan kajiannya sendiri berhubung sesuatu isu berbangkit sama ada dari dalam atau luar negara.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, bangunan yayasan itu yang dihiasi dengan landskap menarik, turut menempatkan pelbagai cenderamata yang diterima oleh Dr. Mahathir.

Gambar

Selain itu, sekitar lobi digantung gambar bekas Perdana Menteri itu bersama isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, dan turut ditempatkan beberapa set kerusi untuk tetamu.

Tingkat atas bangunan itu menempatkan pejabat bekas Perdana Menteri menghadap ke Tasik Putrajaya di samping bilik mesyuarat serta bilik pentadbir yayasan itu.

Selain pejabat bekas Perdana Menteri, bangunan Yayasan Kepimpinan Perdana turut menempatkan auditorium, bilik persidangan serta kemudahan perpustakaan untuk penyelidikan.

Dr. Mahathir ketika diminta mengulas mengenai pejabat barunya itu berkata, ia bukan untuk beliau tetapi untuk semua Perdana Menteri Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, beliau bersyukur kerana diberi kemudahan pejabat di bangunan yayasan itu untuk beliau bekerja.

“Takkan hendak duduk di rumah saja (selepas bersara),” katanya.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, beliau tidak mempunyai apa-apa jawatan dalam yayasan tersebut sebaliknya ia hanya ada pejabat bekas Perdana Menteri.